

Pengilang Dan Pengimport Barangan Bercukai Perlu Patuh Syarat Lesen Cukai Jualan Penting



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP(ATT), B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my



• Buah-buahan import dikenakan cukai jualan - Gambar Hiasan

daripada kawalan kastam, dijual, digunakan atau dilupuskan termasuk digunakan sendiri, dimusnahkan, didermakan, dihadiahkan atau dibekalkan secara percuma oleh pengilang. Transaksi jualan yang dikenakan cukai jualan adalah barang yang dijual sama ada secara ansuran atau sewa beli, barang yang disewa, barang yang dijual dalam tempoh percubaan atau barang yang dijual oleh pengilang secara hutang.

KADAR CUKAI

Pada masa ini cukai jualan adalah cukai *ad valorem* dan kadarnya adalah seperti berikut:

Jenis Barang	Kadar
Buah-buahan, makanan dan bahan pembinaan	5%
Barangan am (termasuk kereta)	10%
Arak dan minuman alkohol	20%
Rokok dan cerut	25%

Kesemua barang yang diimport atau dikilangkan di Malaysia adalah bercukai jualan kecuali bagi kawasan Labuan, Langkawi dan Tioman. Cukai jualan juga dikecualikan

LANJUTAN daripada perbincangan kita dalam artikel yang lepas, dalam keluaran kali ini kita akan membincangkan satu lagi komponen cukai iaitu cukai tidak langsung. Terdapat beberapa kategori utama cukai tidak langsung seperti cukai perkhidmatan, cukai jualan dan duti. Dalam artikel keluaran bulan ini kita akan membincangkan secara khusus mengenai cukai jualan. Secara

umumnya yang terlibat dalam aktiviti perkilangan harus mengambil tahu tentang cukai jualan tersebut.

PENGENALAN

Cukai jualan adalah cukai seperingkat yang dikenakan ke atas barang-barang tertentu yang diimport dan barangan buatan Malaysia (manufactured). Cukai ini dikenakan pada masa barang-barang tersebut diimport iaitu setelah dilepaskan

sekiranya pengilang mendapat pengecualian khusus daripada Menteri Kewangan. Petroleum dan produk petroleum juga tertakluk kepada cukai jualan.

BARANGAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI JUALAN

Bagi barangan yang dieksport oleh pengilang berlesen adalah dikecualikan dan barangan lain yang dikecualikan cukai jualan adalah seperti:

- Haiwan hidup, ikan, makanan laut dan beberapa makanan asas termasuk daging, susu, telur, sayur, buah-buahan, roti dan lain-lain makanan asas.
- Alat perubatan dan pembelajaran termasuk alatan sukan, buku dan lain-lain.
- Filem dan alatan fotografi.
- Motosikal bawah 201 c.c., basikal bagi orang dewasa.
- Mesin untuk industri tekstil, industri penyediaan makanan, industri kertas dan percetakan, industri pembinaan, industri besi dan lain-lain.
- Barangan utama seperti koko, getah dan barangan yang berkaitan dengannya.
- Bahan mineral semula jadi, bahan kimia dan lain-lain.
- Helikopter, kapal terbang, kapal dan pengangkutan air yang lain.

DEFINISI PENGILANG

Semua pengilang yang menukarkan bahan mentah atau bahan semula jadi kepada sesuatu produk yang baru dengan menukar saiz, bentuk dan kejadian bahan itu adalah dianggap sebagai pengilang yang harus memohon lesen pengilang. Ini termasuk juga penggabungan alat-alat dan bahagian-bahagian kepada mesin atau produk lain tidak termasuk pemasangan mesin atau alatan untuk tujuan pembinaan.

Pengilang-pengilang barangan bercukai di Malaysia harus memamerkan lesen cukai jualan di tempat-tempat yang mudah dilihat. Terdapat tiga kategori orang yang tidak perlu memohon lesen di bawah Akta Cukai Jualan 1972:

- i Pengilang yang mengeluarkan barangan yang dikecualikan.
- ii Pengilang yang mana nilai jualan tidak melebihi RM100,000 (harus memohon sijil pengecualian lesen).
- iii Pengilang yang operasi pengi-


Transaksi jualan yang dikenakan cukai jualan adalah barang yang dijual sama ada secara ansuran atau sewa beli, barang yang disewa, barang yang dijual dalam tempoh percubaan atau barang yang dijual oleh pengilang secara hutang.

langannya dikecualikan daripada lesen.

Pengilang yang mempunyai nilai jualan atau pelupusan barangan bercukai melebihi RM100,000 dalam masa 12 bulan layak untuk memohon Lesen Pengilang. Namun pengilang ini boleh memohon lesen untuk menikmati kemudahan yang diberikan kepada pengilang berlesen. Antara kemudahannya adalah kemudahan membeli bahan mentah, komponen dan bahan pembungkus untuk digunakan dalam pengilangan tanpa dikenakan cukai jualan. Pengedar (vendor) juga boleh memohon untuk mengimport atau mendapatkan barang bercukai tanpa cukai jualan bagi kegunaan pengilang berlesen.

TANGGUNGJAWAB DAN HAK PENGILANG

Pengilang berlesen harus menyimpan rekod dengan teratur dan lengkap. Ia mesti dikemaskinikan dan disimpan dalam tempoh enam tahun. Selain itu pengilang juga harus menyediakan laporan audit bagi setiap tahun yang mengandungi rekod-rekod seperti bahan mentah, pembelian, penggunaan dan baki dalam stok, barang yang di kilang,



• Mesin untuk industri percetakan dikecualikan cukai jualan - Gambar Hiasan



• Barangan yang diimport atau dikilangkan di Langkawi adalah bebas cukai - Gambar Hiasan

dijual dan dilupus serta jumlah cukai jualan tahunan yang dibayar.

Pengilang berlesen atau pengimport boleh memohon bayaran balik cukai jualan kerana salah bayar atau kesilapan dalam tempoh satu tahun selepas bayaran dibuat. Bagi hutang lapuk pula, pengilang juga boleh menuntut semula cukai jualan yang telah dibayar berikutan jualan tidak dapat dipungut daripada pelanggan dengan syarat jumlah jualan tersebut telah dihapus kira dan dianggap hutang lapuk di dalam akaunnya. Begitu juga dengan barangan import yang kemudiannya dieksport, cukai jualan boleh dipulangkan semula dengan syarat permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh eksport, barang tersebut mestilah dieksport dalam tempoh 12 bulan dari tarikh cukai jualan dibayar dan notis untuk menuntut ambilan balik cukai diendoskan pada Borang Ikrar Eksport.

Pengilang berlesen boleh membuat rayuan terhadap jumlah cukai jualan yang dikenakan kepada Ketua Pengarah Kastam dan jika masih

tidak berpuas hati, rayuan boleh dibuat kepada Menteri Kewangan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia menerima keputusan Ketua Pengarah Kastam.

Pengilang berlesen harus mem-

beritahu dan menyerahkan lesen kepada Pejabat Cukai Jualan yang mengeluarkan lesen apabila pengilang menamatkan perniagaan atau dibubarkan.

Pengilang dan pengimport barangan bercukai yang tidak mematuhi syarat-syarat di bawah Akta Cukai Jualan 1972 boleh dipenjarakan tidak lebih daripada 12 bulan atau denda tidak lebih daripada RM5000 atau kedua-duanya sekali.

PENUTUP

Ramai di antara usahawan yang melibatkan diri dalam sektor perkilangan tidak peka dengan tanggungjawab mereka untuk memohon lesen pengilang daripada pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM). Pihak KDRM melalui Akta Cukai Jualan 1972 boleh mengenakan denda kepada pengilang yang ingkar. Daripada penerangan ini diharapkan para usahawan yang bakal menceburi sektor perkilangan akan mendapat manfaat dan maklumat mengenai cukai jualan. **US**

Ruangan Soal Jawab Bersama Salihin Abang

Soalan:

Pada tahun lepas saya telah diberhentikan oleh majikan secara tiba-tiba. Setelah berunding dengan bekas majikan, saya telah memilih untuk bersara secara sukarela. Sebagai ganti rugi, majikan saya telah membayar ganti rugi sebanyak RM100 000 kepada saya. Saya ingin bertanya, berapakah cukai yang akan dikenakan kepada saya daripada ganti rugi yang saya perolehi.

Fazrina, Kelama Jaya.

Jawapan:

Pendapatan yang diperolehi daripada kehilangan pendapatan pengajian dibenarkan untuk pengecualian seratus peratus jika pemberhentian pengajian itu adalah disebabkan oleh faktor kesihatan, contohnya lumpuh dan sebagainya. Selain faktor itu, pengecualian hanya akan dibenarkan sebanyak RM6000 setahun. Contohnya; anda bekerja selama lima tahun dengan syarikat ABC Sdn Bhd. Jumlah yang dikesualikan cukai adalah sebanyak lima tahun X RM6000 iaitu RM30 000. Selebihnya akan dikenakan cukai.